

FAQ

BERKAITAN PEMBUKAAN SEMULA SEKTOR PELANCONGAN

PENGOPERASIAN PREMIS PENGINAPAN PERHOTELAN / HOMESTAY

1. Perlukan pemilik hotel mendapatkan kebenaran surat CIMS MITI bagi pembukaan operasi di negeri Fasa 2 dan ke atas?

Jawapan:

Tidak perlu jika Premis Penginapan Perhotelan tersebut telah mendapatkan surat melalui CIMS sebelum ini.

2. Apakah yang perlu pihak hotel atau *homestay* lakukan jika ada pihak penguatkuasa meminta surat kebenaran operasi dari MITI?

Jawapan:

Pihak yang berkenaan perlu mengemukakan surat pengoperasian premis melalui CIMS.

3. Bagi penginapan di hotel, berapa jumlah individu yang boleh menginap di dalam satu bilik?

Jawapan:

Tertakluk kepada kapasiti premis penginapan perhotelan tersebut.

4. Jika menginap di hotel atau *homestay*, adakah penginap boleh menggunakan fasiliti seperti kolam renang dan gym? (Ex: Private pool)

Jawapan:

Tidak dibenarkan di Fasa 1 dan Fasa 2.

5. Bagaimanakah operasi ruang kafe di hotel penginapan? Adakah *dine-in* dibenarkan di kawasan kafe hotel?

Jawapan:

Bagi individu yang telah lengkap vaksinasi perlu mematuhi syarat-syarat SOP yang telah ditetapkan oleh KPDNHEP bermula Fasa 2 dan seterusnya.

6. Adakah dibenarkan bagi mana-mana institusi Kerajaan mahupun swasta untuk mengadakan kursus di dalam premis hotel?

Jawapan:

Bil.	Perkara	Keterangan
	SOP PPN Fasa 2	<ul style="list-style-type: none"> • Mesyuarat perlu dilaksanakan secara sidang video. • Seminar, bengkel, kursus, latihan dan ceramah tidak dibenarkan kecuali latihan dalam perkhidmatan yang sedang berjalan boleh dilaksanakan dalam kawasan latihan menerusi kaedah Camp Based Training. • Seminar, bengkel, kursus, latihan dan ceramah yang dilaksanakan secara dalam talian (online) adalah dibenarkan
	SOP PPN Fasa 3	<ul style="list-style-type: none"> • Mesyuarat bersemuka agensi Kerajaan dan swasta dibenarkan TANPA melibatkan kehadiran wakil agensi luar dengan 50% kapasiti dan penjarakan fizikal. • Mesyuarat membabitkan agensi luar digalakkan secara sidang video. • Seminar, bengkel, kursus, latihan dan ceramah tidak dibenarkan kecuali latihan dalam perkhidmatan yang sedang berjalan boleh dilaksanakan dalam kawasan latihan menerusi kaedah Camp Based Training. • Seminar, bengkel, kursus, latihan dan ceramah yang dilaksanakan secara dalam talian (online) adalah dibenarkan.

7. Adakah premis perhotelan boleh memberi ruang kepada *buskers* untuk mengadakan persembahan?

Jawapan:

Fasa 3 ke atas buat masa ini hanya persembahan di pusat pemberian vaksin sahaja.

8. Adakah premis hotel dan *homestay* di negeri-negeri Fasa 2 ke atas boleh menerima tetamu selepas jam 10 malam?

Jawapan:

Premis boleh beroperasi sepertimana biasa tertakluk kepada kebenaran Pihak berkuasa Tempatan (jika berkaitan).

9. Adakah petugas di premis penginapan hotel dan *homestay* boleh hadir bertugas jika masih belum menerima vaksin lengkap?

Jawapan:

Petugas hotel dibenarkan untuk hadir bekerja.

10. Bagaimana pemilik hotel boleh mendaftar untuk mendapatkan vaksin dalam kadar segera bagi pekerja yang belum menerima suntikan?

Jawapan:

Kementerian ini telah menggerakkan kerja-kerja pengumpulan data pekerja di subsektor perhotelan yang masih belum menerima vaksinasi melalui Persatuan Hotel Malaysia (MAH), Persatuan Pemilik Hotel Malaysia (MAHO) dan Persatuan Hotel Bajet & Bisnes Malaysia (MyBHA).

Kementerian ini juga telah mengemukakan data-data pekerja kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk dikemas kini temu janji di dalam aplikasi MySejahtera.

11. Apakah senarai aktiviti pelancongan yang dibenarkan di negeri Fasa 2 dan ke atas? (Contoh: zoo, farms, pusat edutainment, nature parks, snorkeling, diving dan lain-lain)

Jawapan:

Aktiviti yang disenaraikan hanya dibenarkan di Fasa 3.

12. Adakah operasi syarikat pelancongan serta khidmat pemandu pelancong dibenarkan di negeri Fasa 2 dan ke atas?

Jawapan:

Negeri di Fasa 2 masih tidak dibenarkan manakala Negeri di Fasa 3 boleh beroperasi seperti biasa.

13. Adakah pemilik premis hotel atau *homestay* boleh menerima pesakit COVID-19 yang bercadang untuk berkuarantin di premis mereka?

Jawapan:

Hanya hotel yang di Gazattekan sebagai pusat kuarantin sahaja yang dibenarkan menerima dengan penyelarasan pihak NADMA.

14. Apakah tindakan yang perlu diambil oleh tetamu yang menginap di premis penginapan sekiranya dijangkiti COVID-19?

Jawapan:

Tetamu perlu memaklumkan kepada pihak pengurusan hotel dan pihak hotel perlu melaporkan ke Pejabat Kesihatan Daerah yang berdekatan.

15. Apakah tindakan yang perlu diambil oleh pengusaha hotel atau *homestay* sekiranya terdapat pekerja / tetamu didapati positif COVID-19?

Jawapan:

Tetamu perlu memaklumkan kepada pihak pengurusan hotel dan pihak hotel perlu melaporkan ke Pejabat Kesihatan Daerah yang berdekatan Pihak

pengurusan premis penginapan / pengusaha hendaklah:

- (a) Memastikan tetamu/pelanggan bergejala tidak berada di premis dan perlu mendapatkan rawatan segera di fasiliti kesihatan berdekatan;
- (b) membantu membuat *contact tracing* bagi pekerja-pekerja dan tetamu hotel yang terlibat sekiranya tetamu/pelanggan tersebut disahkan positif;
- (c) membuat proses pembersihan dan nyahkuman di premis penginapan tetamu yang disahkan positif.

16. Adakah khidmat bas/van pelancongan dibenarkan untuk membawa pelancong ke destinasi pelancongan yang dibenarkan?

Jawapan:

Perkhidmatan bas/van pelancongan hanya dibenarkan di Negeri Fasa 3 dan seterusnya.

17. Bilakah gelembung perjalanan bagi tujuan pelancongan akan diumumkan oleh pihak kerajaan?

Jawapan:

Sebarang pengumuman berkenaan gelembung perjalanan bagi tujuan pelancongan akan diumumkan kerajaan dari semasa ke semasa.

ORANG AWAM / PELANCONG

1. Selain menunjukkan bukti salinan sijil vaksinasi, adakah penginap masih perlu untuk mendapatkan kebenaran surat rentas daerah dari PDRM?

Jawapan:

Pembuktian Sijil Vaksinasi Digital di MySejahtera sahaja.

2. Jika anak-anak yang berumur bawah 18 tahun yang masih belum mendapat vaksin, adakah mereka dibenarkan mengikut ibu bapa mereka ke hotel?

Jawapan:

Ya. Bagi pasangan yang telah menerima vaksinasi lengkap dibenarkan membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah untuk aktiviti pelancongan di hotel dan *homestay* dengan mematuhi protokol kesihatan umum. Tertakluk kepada ketetapan kerajaan dari semasa ke semasa.

3. Saya telah membuat tempahan di hotel di Kawasan Fasa 2, walau bagaimanapun atas sebab tertentu tidak dapat melakukan perjalanan. Adakah saya masih boleh membuat tuntutan (*refund*) dari pihak hotel?

Jawapan:

Sila rujuk kepada polisi pihak Premis Penginapan tersebut.

4. Adakah saya perlu mendapatkan khidmat agensi pelancongan untuk melancong dalam negeri/daerah yang dibenarkan?

Jawapan:

Tidak perlu (Pelancong Domestik sahaja). Namun pelancong antarabangsa perlu mendapatkan khidmat agensi pelancongan yang berdaftar dengan MOTAC untuk melancong.

5. Berapakah had jumlah ahli keluarga yang boleh pergi melancong dalam negeri Fasa 2 ke atas dalam masa yang sama?

Jawapan:

Tertakluk kepada SOP Am Kementerian Pengangkutan.

6. Selain hotel dan *homestay* yang memerlukan vaksinasi lengkap 2 dos, adakah saya perlu menunjukkan bukti yang sama di tempat pelancongan yang saya tuju? (zoo, taman tema dan lain-lain)

Jawapan:

Ya.

7. Adakah boleh menaiki kenderaan melebihi 2 orang penumpang untuk tujuan ke hotel/homestay di Kawasan yang dibenarkan?

Jawapan:

Tertakluk kepada SOP Am Kementerian Pengangkutan.

8. Adakah saya dan ahli keluarga akan mendapat perlindungan insurans yang khusus sekiranya didapati positif COVID-19 berpunca daripada tempat hotel atau *homestay* yang diduduki?

Jawapan:

Sila rujuk kepada terma dan syarat serta polisi Premis Penginapan tersebut.